

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 JUN 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI rangka strategi baharu terajui bidang sains negara – Ewon	BERNAMA
2.	Peranan teknologi, inovasi semakin penting	Berita Harian
3.	Addressing key issues of R&D Commercialisation	New Straits Times
4.	Makmal persendirian perlu pastikan piawaian dijaga sepanjang masa	Borneo Post Online
5.	Makmal persendirian perlu pastikan piawaian dijaga	Sinar Harian
6.	Sumbang idea di ISS	Harian Metro
7.	Prosedur pensampelan berbeza cetus persoalan	Utusan Malaysia
8.	JAKIM tidak khianati kepercayaan umat Islam	BERNAMA
9.	Orang ramai perlu yakin dengan sijil halal JAKIM – Jamil Khir Baharom	BERNAMA
10.	Jangan ragu status halal produk	Utusan Malaysia
11.	Amalkan pendekatan teliti, fakta tepat	Berita Harian
12.	Follow standard sampling procedure	New Straits Times
13.	Keluarga Britain tunggu keputusan bedah siasat	Sinar Harian
14.	Jumpa telefon pintar	Harian Metro
15.	Cops seek more clues to identify body found in Tioman	The Malay Mail
16.	Body found yet to be identified	New Straits Times
17.	Cops awaiting DNA test results	The Star
18.	El Nino to bring a host of woes	The Star



MOSTI Rangka Strategi Baharu Terajui Bidang Sains Negara - Ewon

PUTRAJAYA, 5 Jun (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) sedang merangka strategi baharu dalam memacu kementerian itu sebagai peneraju bidang sains, teknologi dan inovasi yang cemerlang di negara ini.

[Menterinya Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata inisiatif untuk mentransformasikan kementerian itu sedang dijalankan bersama-sama Jabatan Perkhidmatan Awam.

["Transformasi Mosti akan berasaskan lima teras utama antaranya mendaya upaya bakat, merekayasa organisasi dan merakyatkan perkhidmatan awam," katanya pada majlis apresiasi Mosti 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya \(PICC\) di sini, Khamis](#)

[Turut hadir Ketua Setiausaha Mosti Datuk Dr. Rosli Mohamed.](#)

Ewon berkata semua warga Mosti juga perlu bersedia di segenap aspek ke arah transformasi berkenaan dan mendukung sepenuhnya usaha berkenaan.

"Sehubungan itu, semua warga kerja Mosti perlulah memastikan diri sentiasa berilmu, kreatif dan inovatif dalam menjalankan tugas seharian yang seterusnya membuahkan kebolehpercayaan rakyat terhadap perkhidmatan diberikan," katanya.

Ewon berkata beliau turut berbangga dengan hasil kerja keras warga Mosti kerana setakat ini sebanyak 39 produk berjaya dikomersialkan daripada 60 sasaran produk setahun, melalui inisiatif Mosti Commercialisation Year 2014.

"Sesungguhnya pencapaian KPI dalam usaha pengkomersilan ini adalah sesuatu yang membanggakan dan perlu diteruskan," katanya.

Pada majlis sama, Ewon turut menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 144 petugas yang mempamerkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun lalu.

Peranan teknologi, inovasi semakin penting

Peranan teknologi dan inovasi dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara menjadi semakin penting, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Beliau berkata, impak globalisasi, liberalisasi pasaran serta peralihan teknologi dan inovasi menunjukkan bahawa perniagaan pada kini tidak boleh lagi beroperasi atau dikendalikan seperti dulu.

"Sekarang menjadi satu tempoh yang mustahak kepada Malaysia terutama sektor awam dan swasta apabila kita bergerak ke kelajuan lebih tinggi dalam transformasi ekonomi negara supaya kekal relevan dalam persekitaran yang semakin kompleks dan berubah," katanya dalam ucapan penutup Kongres Kejuruteraan, Sains dan Teknologi Dunia (ESTCON2014) di Kuala Lumpur, semalam.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dr Zulkifli Mohamed Hashim.

ESTCON2014 anjuran Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) yang berlangsung tiga hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Selasa lalu melabuhkan tirainya semalam.



WORLD ENGINEERING, SCIENCE & TECHNOLOGY CONGRESS (ESTCON)

ESTCON2014

3 - 5 JUNE 2014

KUALA LUMPUR
CONVENTION
CENTRE

ENGINEERING, SCIENCE, TECHNOLOGY AND HUMANITIES : CONVERGENCE FOR A SUSTAINABLE FUTURE



Zulkifli (dua dari kanan) dan Abdul Rahim (kanan) bersama penerima anugerah ESTCON2014 selepas merasmikan majlis penutupan ESTCON2014 di Kuala Lumpur.

(FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH)

Hadir sama pada majlis penutup kongres bertema 'Kejuruteraan, Sains, Teknologi dan Kemanusiaan: Penumpuan Untuk Masa Depan Mapan' itu ialah Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif UTP, Datuk Ir Dr Abdul Rahim Hashim.

Abu Bakar berkata, 2014 juga menandakan tahun pengkomersialan MOSTI dengan tema yang dipilih ialah 'Sains, Teknologi dan Inovasi Untuk Penciptaan Kekayaan'.

"Inisiatif ini menyediakan peluang kepada usahawan teknologi mengkomersialkan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) mereka sambil menangani beberapa isu penting berkaitan pengkomersialan.

"Kini, standard melengkap inisiatif pengkomersialan dan menjadi satu alat atau mekanisme penting bertepatan dengan agenda kementerian.

"Justeru, kami di MOSTI melihat nilai kegiatan standard dan mengiktiraf impak yang dibawanya untuk ekonomi serta kesejahteraan masyarakat," katanya.

Mengenai ESTCON2014, Abu Bakar berkata, kongres itu telah mencapai matlamatnya sebagai platform penting untuk ahli akademik, penyelidik, saintis, jurutera dan pakar industri dari seluruh dunia berkongsi pengetahuan, berbingcang dan mewujudkan rangkaian dalam pelbagai bidang.

"Sesi mengemukakan idea yang diadakan buat kali pertama pada kongres ini bagi memudahkan peluang pengkomersialan berlangsung dengan baik dengan beberapa inisiatif pemindahan teknologi," katanya.

ESTCON2014 telah mengumpulkan 1,000 kertas penyelidikan dari kira-kira 40 negara.

ADDRESSING KEY ISSUES OF R&D COMMERCIALISATION



THE Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti) recognises the importance of standardisation and commercialisation of innovation in the Malaysian technology landscape and, as such, has addressed it in the third World Engineering, Science and Technology Congress (ETSCON2014).

"The theme for Universiti Teknologi Petronas (UTP) ETSCON2014 is 'Science, Technology and Innovation for Wealth Creation', which matches Mosti's goal of commercialisation this year," said **Dr Zulkifli Mohamed Hashim**, Deputy Secretary-General (Science) of Mosti, in his speech during the closing of the three-day conference in Kuala Lumpur yesterday.

"This initiative provides opportunities to technopreneurs to commercialise their research and development (R&D) products while addressing key issues of commercialisation," said Zulkifli, who represented Mosti's Deputy Minister **Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**.

"This initiative provides opportunities to technopreneurs to commercialise their R&D products."
Dr Zulkifli Mohamed Hashim
Mosti Deputy Secretary-General (Science)

He said as of now, the ministry views the standardisation of commercialisation initiatives as significant tools and mechanism that fit its agenda this year.

"Hence, at Mosti, we see the value of standardisation activities and acknowledge the impact it brings for economic and social wellbeing."

ETSCON2014 also saw the creation of a new initiative called Innovation Pitching, which was designed to directly connect researchers and inventors to potential investors and business partners.

The Innovation Pitching is also able to create opportunities that will enable a university to increase revenue and create new jobs.

A total of 26 innovation pitches were carried out during the conference, with nine innova-

tions are now in discussions with government agency Agensi Inovasi Malaysia (AIM), five with KPerak Implementation and Coordination Corporation (KPerak), while an innovation by UTP's own senior executive, Thavasegaran Muthu Manickam, has



Mosti's Deputy Secretary-General (Science) **Dr Zulkifli Mohamed Hashim** (third from right) and Universiti Teknologi Petronas Vice-Cancellor **Datuk Dr Abdul Rahim Hashim** (second from right) with ESTCON2014's award receivers at the closing of the conference in Kuala Lumpur yesterday. Pic by **Muhd Zaaba Zakeria**

been given a letter of intent by a corporate entity.

"This is the only platform available to innovators to directly reach out to potential investors, which is otherwise rather inaccessible," said Thavasegaran, who won the letter of intent for his

product called Biz Security, which is tipped to revolutionise corporate buildings' entry points security using the existing MyKad technology.

He also noted the university received 300 applications to pitch at the Innovative Pitching but only 26 were

shortlisted as they complied with AIM's and KPerak's requirements.

The three-day conference saw the participation of 1000 delegates and 144 booths.

The next ESTCON is scheduled to be held in 2016.

Makmal persendirian perlu pastikan piawaian dijaga sepanjang masa

Posted on **June 6, 2014, Friday**

PUTRAJAYA: Makmal persendirian yang menawarkan khidmat uji kaji berkaitan isu halal perlu memastikan piawaiannya dijaga sepanjang masa, kata **Ketua Pengarah Jabatan Kimia Ahmad Ridzuan Ibrahim.**

Beliau berkata pewujudan lebih banyak makmal adalah baik, namun pihak pengendali makmal perlu memastikan penyelarasan dan standard makmal itu diberi keutamaan supaya hasil kajian dikeluarkan adalah dipercayai dan mempunyai kredibiliti.

Jabatan Kimia akan terus memberi sokongan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dari aspek kajian berkaitan isu halal, sekiranya diperlukan, katanya ketika diminta mengulas berhubung isu kajian jabatan itu ke atas dua sampel coklat Cadbury yang didakwa mengandungi Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi dalam ujian awal makmal Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis apresiasi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Majlis itu dilancarkan **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.**

Ahmad Ridzuan berkata pihaknya juga bersedia membantu JAKIM dari aspek teknikal dalam usaha jabatan itu menubuhkan makmal halalnya sendiri.

“Sebelum ini pun kita telah beri khidmat teknikal kepada Jakim, tetapi ia (makmal halal) bergantung kepada keperluan kerana mereka juga yang akan menubuhkan makmal sendiri, jadi kita tidak mahu ada pertindihan kerja nanti,” katanya.

Pada Disember tahun lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata Jakim sedang membina makmal analisis halal bernilai RM56.7 juta di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan

Read more: <http://www.theborneopost.com/2014/06/06/makmal-persendirian-perlu-pastikan-piawaian-dijaga-sepanjang-masa/#ixzz33otkx662>

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH : 6 JUN 2014 (JUMAAT)**



Makmal persendirian perlu pastikan piawaian dijaga

PUTRAJAYA - Makmal persendirian yang menawarkan khidmat uji kaji berkaitan isu halal perlu memastikan piawaiannya dijaga sepanjang masa, kata **Ketua Pengarah Jabatan Kimia Ahmad Ridzuan Ibrahim**.

Beliau berkata, pewujudan lebih banyak makmal adalah baik, namun pihak pengendali makmal perlu memastikan penyelarasan dan standard makmal itu diberi keutamaan supaya hasil kajian dikeluarkan adalah dipercayai dan mempunyai kredibiliti.

Jabatan Kimia akan terus memberi sokongan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dari aspek kajian berkaitan isu halal, sekiranya diperlukan, katanya ketika diminta mengulas berhubung isu kajian jabatan itu ke atas dua sampel coklat Cadbury yang didakwa mengandungi Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi dalam ujian awal makmal Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas **majlis apresiasi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) 2014** di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, hari ini.

Majlis itu dilancarkan **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin**.

Ahmad Ridzuan berkata, pihaknya juga bersedia membantu Jakim dari aspek teknikal dalam usaha jabatan itu menubuhkan makmal halalnya sendiri.

"Sebelum ini pun kita telah beri khidmat teknikal kepada Jakim, tetapi ia (makmal halal) bergantung kepada keperluan kerana mereka juga yang akan menubuhkan makmal sendiri, jadi kita tidak mahu ada pertindihan kerja nanti," katanya.

Pada Disember tahun lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, Jakim sedang membina makmal analisis halal bernilai RM56.7 juta di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.

Jamil Khir dilaporkan berkata, makmal itu akan menjadi pusat hentian setempat kepada industri penyelidikan dan pensijilan halal dunia, memandangkan segala keperluan dan rujukan pensijilan halal akan tertumpu di makmal itu, selaras dengan usaha negara untuk menjadi peneraju hab halal dunia.

Makmal itu merupakan fasa pertama daripada keseluruhan projek Institut Halal Malaysia yang dijangka beroperasi sepenuhnya mulai Januari 2015

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 28
TARIKH: 06 JUN 2014 (JUMAAT)**

Sumbang idea di ISS

Kuala Lumpur: Orang ramai dijemput menyertai Program 'Try Zero G' anjuran Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Program ini memberi peluang kepada orang ramai menyumbang idea dan cadangan aktiviti eksperimen sesuai dijalankan di Stesen Angkasa Antarabangsa (International Space Station) (ISS).

Orang ramai boleh menghantar borang penyertaan dan cadangan kepada ANGKASA melalui pos, emel atau mengisi borang penyertaan online selewat-lewatnya 31 Ogos ini sebelum jam 5 petang di www.angkasa.gov.my/tryzerog.

Sebarang pertanyaan lanjut, layari Facebook Agensi Angkasa Negara atau menghubungi Jong Tze Kian atau Cik Asmindar Zainol di talian 03-22734303.

Prosedur pensampelan berbeza cetus persoalan

KUALA LUMPUR 5 Jun - Proses ujian asid deoksiribonukliek (DNA) terhadap sesuatu produk makanan sepatutnya dilakukan di dalam makmal khas yang diakreditasi oleh agensi-agensi seperti SIRIM Berhad mengikut piawaian antarabangsa ISO 17025.

Pensyarah Jabatan Kimia Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Zainudin Arifin berkata, mahkamah juga hanya menerima hasil ujian DNA yang dilakukan di makmal yang mendapat akreditasi seumpama itu untuk dijadikan sebagai bahan bukti dalam sebarang kes.

Sehubungan itu, katanya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menggunakan khidmat makmal di Jabatan Kimia Malaysia yang mempunyai piawaian ISO 17025 bagi melakukan ujian DNA ke atas dua jenis coklat yang menimbulkan konflik ekoran status halal iaitu *Cadbury Dairy Milk Hazelnut* dan *Cadbury Dairy Milk Roast Almond*.

"Ujian DNA hanya boleh dilakukan di dalam makmal khas yang mempunyai bilik bersih dan udaranya ditapis bagi menghindari

pencemaran selain hanya pegawai yang berkelayakan dibenarkan menjalani ujian tersebut.

"Namun bagi sampel yang tidak disimpan dengan baik atau di dalam keadaan lembab, sampel boleh dicemari oleh mikro organisme dan ini menyebabkan keputusan ujian tidak boleh dibuat dengan sempurna," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



ZAINUDIN ARIFIN

Isnin lalu, Jakim mengesahkan dua sampel coklat keluaran syarikat Cadbury yang diambil terus daripada kilang syarikat itu tidak mengandungi DNA babi dan berikutan itu, Kementerian Kesihatan mengaku melakukan kesilapan berhubung pengumuman yang

dibuat pada 21 Mei lalu.

Zainuddin berkata, piawaian ISO 17025 menentukan keperluan am bagi menjalankan ujian, kalibrasi dan pensampelan maka kaedah ujian memerlukan bandingan kosong dan ujian ulangan; suntikan matrik dan surogat; kawalan makmal dan bahan rujukan piawai dan perbandingan.

Bagaimanapun, katanya, Kementerian Kesihatan dilaporkan

telah membuat ujian ke atas dua coklat tersebut di makmal yang belum mendapat piawaian ISO 17025 iaitu milik kementerian berkenaan.

"Terdapat perbezaan yang ketara dalam kaedah pensampelan antara Jakim dan Kementerian Kesihatan. Kaedah pensampelan yang berlainan boleh memberi hasil ujian berbeza.

"Selain itu hasil ujian perlu dibincang dan disepakati sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan kepada umum. Keputusan yang diumumkan tanpa mengambil kira pematuhan terhadap peraturan-peraturan ini sepenuhnya boleh dianggap sebagai terlalu awal," katanya.

Beliau berkata, Malaysia perlu memilih satu badan yang mengeluarkan keputusan secara rasmi berhubung isu halal dan haram dengan berasaskan piawaian ISO 17025 agar Malaysia terbukti sebagai negara hab'halal.

Katanya, meskipun untuk memperoleh taraf piawaian itu adalah cabaran berat, makmal uji kaji itu kelak akan diiktiraf dan berupaya memberi hasil kajian yang terbaik dan menyokong keperluan produk halal seperti yang termaktub di dalam piawai ISO 1500:2009 dan MS 2200.



JAKIM Tidak Khianati Kepercayaan Umat Islam

Fokus Berita Oleh Norshazlina Nor'azman

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- Keputusan analisis makmal [Jabatan Kimia](#) terhadap dua produk coklat keluaran Cadbury - Roast Almond dan Hazelnut (badam dan kacang hazel) - mengesahkan tiada Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi, masih belum meredakan orang ramai daripada memperkatakan isu halal coklat berkenaan.

Bahkan beberapa pertubuhan badan bukan kerajaan membuat laporan polis berhubung kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom pada Isnin berhubung status coklat berkenaan, kerana dianggap mengelirukan umat Islam.

Percanggahan keputusan ujian Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerusi Jabatan Kimia terhadap dua coklat berkenaan telah mewujudkan bermacam andaian dan persoalan.

Pelbagai tohmahan dan cemuhan dilemparkan kepada Jakim. Di laman-laman sosial, ada yang menuduh Jakim kononnya tidak telus, sanggup menipu, makan rasuah dan menyorokkan fakta sebenar, di samping mempertikaikan keputusan analisis Jabatan Kimia, yang dikatakan hanya menimbulkan was-was umat Islam.

Ketua Pengarah Jakim Datuk Othman Mustapha berkata serangan bertali arus terhadap Jakim itu tidak adil memandangkan Jakim telah menjalankan tugas yang diamanahkan sehabis baik.

Katanya masyarakat perlu bertenang dan berfikir secara waras kerana sebagai badan Islam, tidak mungkin Jakim mengkhianati kepercayaan yang diberi.

"Sama seperti anda, saya juga orang Islam, malah pegawai saya juga beragama Islam dan kami ada keluarga yang juga pengguna Islam... takkanlah kami tergamak melihat dan membiarkan keluarga kami dan orang Islam lain untuk memakan produk yang kandungannya mempunyai babi.

"Malah, ramai pekerja di syarikat besar milik antarabangsa ini terdiri daripada orang Islam... takkan mereka hendak lepaskan sesuatu yang tidak halal untuk dimakan kepada masyarakat dan keluarga mereka," katanya dalam wawancara di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini.

Othman berkata setiap produk yang memperoleh logo halal disaring menepati prosedur operasi standard (SOP) serta piawaian yang begitu tinggi dan ketat.

"Bukan mudah untuk kami keluarkan sijil halal dan sebab itu kami selalu menerima aduan bahawa Jakim lambat meluluskan permohonan kerana proses penelitian yang sangat ketat," katanya.

Othman berkata kemungkinan untuk berlakunya salah laku dan rasuah adalah sukar memandangkan pasukan dan individu berbeza terlibat dalam proses pemberian sijil halal.

Katanya semua proses permohonan halal termasuk pemeriksaan dan pemantauan terhadap premis-premis dilaksanakan oleh Jakim sendiri tanpa penyumberan luar bagi menjaga integriti.

"Kita ada empat tahap iaitu bahagian permohonan yang membuat penelitian awal, audit oleh auditor, panel penilai dan kemudian pemantauan berkala yang dibuat oleh pasukan berbeza. Panel penilai tidak terlibat dalam mana-mana pemeriksaan dan auditor juga tidak boleh berada di dalam mesyuarat panel... dia (individu terlibat) tidak boleh pengaruhi keputusan.

"Salah laku agak sukar... kalau orang nak rasuah, mereka nak rasuah di peringkat mana? Di peringkat proses dan audit? Mereka tidak terlibat dalam proses membuat keputusan, malah ada auditor yang membuat laporan syor supaya diluluskan tetapi ditolak oleh panel kerana tidak berpuas hati," katanya.

Beliau berkata pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) itu amat penting dalam menjaga kesaksamaan dan bagi mengelakkan berlakunya percanggahan kepentingan.

"Ada cadangan untuk Jakim gunakan penyumberan luar tetapi kita dah ada pengalaman itu dahulu... timbul isu bila Jakim swastakan pemeriksaan dan sebagainya seperti caj, integriti dan tidak mengikut SOP malah sukar dikawal... sebab itu Jakim ambil balik dan putuskan untuk buat sendiri," katanya.

Othman berkata adalah mustahil untuk sijil halal dibeli kerana pemohon perlu melalui proses yang amat ketat dan mematuhi semua piawaian halal sebelum sijil diluluskan.

"Jika ada, itu adalah pihak ketiga yang menyamar atau pertubuhan tidak diiktiraf yang mendakwa kononnya mudah mendapat sijil halal sedangkan prosesnya memakan masa yang lama dan amat susah," katanya.

Othman berkata memohon logo halal tidak diwajibkan, tetapi tindakan boleh diambil sekiranya produk tanpa sijil halal diletakkan sebarang logo halal.

"Kita masih meletakkannya (memohon sijil halal) secara sukarela... tetapi kalau tulis halal atau apa-apa cara yang mengaitkan dengan halal, ia salah dan kita boleh ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata pengguna boleh memuat turun aplikasi Halal-Square di telefon bimbit atau alat peranti bagi memeriksa kesahihan sijil halal yang digunakan di premis-premis perniagaan.

"Kita bekalkan poster kepada setiap outlet makanan seperti restoran dan hotel yang boleh diimbis menggunakan aplikasi Halal-Square... pengguna boleh tahu sama ada sijil halal premis itu masih sah, tamat tempoh atau palsu," katanya.

Beliau berkata isu halal yang dibesar-besarkan sebelum mendapat pengesahan sah mampu menjejaskan nama Malaysia di mata dunia sebagai hab halal yang menjadi rujukan banyak negara.

Katanya SOP dan standard yang diamalkan Malaysia diiktiraf oleh banyak negara, malah turut diaplikasikan di negara-negara tersebut dalam membangunkan sistem halal masing-masing.

"Sekarang ini negara-negara di Timur Tengah sedang merujuk kepada kita (Malaysia) untuk bimbingan dan bangunkan sistem halal mereka sebab mereka tidak ada sistem sebegitu selama ini... bagi mereka makanan mereka semuanya halal sebab mereka Islam.

"Sebagai negara yang menjadi rujukan banyak negara lain takkanlah kita nak abaikan aspek itu (DNA babi)... kita bimbang kalau isu sebegini memberi imej yang buruk kepada negara," katanya.

Beliau berkata Jakim turut mempunyai skim Pengiktirafan Halal Badan Luar Negara dan setakat ini 57 badan halal dari 23 negara diiktiraf.

"Ini bagi membantu Jakim dan industri di sini apabila peniaga mengimport bahan mentah, ia memerlukan pengesahan halal dari negara pengeluar... negara pengeluar keluarkan sijil halal dan kita guna pakai.

"Kami tidak mungkin dapat periksa setiap ramuan kerana setiap syarikat mempunyai beratus produk dan beribu bahan ramuan, jadi kita dapatkan kerjasama dengan negara lain dengan menggunakan sistem ini," katanya.

Jakim katanya terlebih dahulu menilai keupayaan badan berkenaan daripada segi syariah, teknikal dan sistem pensijilan terlebih dahulu, sebelum mengiktiraf logo halal yang dikeluarkan mereka.

"Kita pantau bagaimana mereka menjalankan audit di kilang-kilang dan selepas berpuas hati barulah Jakim iktiraf mereka.

"Ada juga negara yang sebelum ini Jakim iktiraf tetapi apabila dibuat semakan semula, didapati mereka tidak lagi patuh dengan keperluan yang ditetapkan, maka Jakim keluarkan mereka daripada senarai," katanya.

Mengakui bahawa isu halal coklat Cadbury itu menyebabkan keyakinan orang ramai terhadap Jakim tercalar, Othman berkata misinya pada masa ini adalah mengembalikan kepercayaan masyarakat.

"Kesedaran masyarakat sudah begitu tinggi tentang halal, namun mereka sebenarnya tidak faham prosedur yang dibuat Jakim itu bagaimana, sebab itu mereka keliru dan marah pada Jakim," katanya.

-- BERNAMA



Orang Ramai Perlu Yakin Dengan Sijil Halal Jakim - Jamil Khir Baharom

YAN, 5 Jun (Bernama) -- Orang ramai perlu yakin dengan sijil halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi pelbagai produk makanan di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata sijil halal yang dikeluarkan pihaknya akan mengambil kira standard makanan yang diuji oleh Jakim dan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Dalam hal ini KKM hanya menjalankan ujian sampel makanan dan keputusan tentang status sesuatu makanan itu sama ada halal atau tidak hanya dikeluarkan oleh Jakim.

"Jakim juga ada kumpulan audit yang akan melakukan pemeriksaan di kilang bagi melihat pengurusan, penyimpanan bahan mentah dan pengeluaran makanan. Jika tidak menepati piawaian, sijil halal tidak dikeluarkan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan di Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Limau di sini Khamis.

Beliau berkata kumpulan audit terbabit akan melakukan analisis sampel setiap makanan lebih sekali dalam setahun bagi memastikan makanan yang dijual tidak tercemar dengan pelbagai bahan tidak halal seperti Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi.

Jamil berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) juga turut terlibat dalam penguatkuasaan di bawah Akta Perihal Dagangan (APD) 1972.

Beliau berkata pihaknya akan memastikan perkara seperti coklat susu Cadbury yang tercemar dengan DNA babi tidak akan berulang kerana masyarakat Islam khususnya telah memberi kepercayaan dan amanah kepada Jakim.

"Jakim pertahan sijil halal yang dikeluarkan kepada syarikat coklat Cadbury kerana produk makanan itu tidak tercemar dengan DNA babi seperti yang disebut sebelum ini," katanya.

Katanya jawatankuasa syariah syarikat itu juga perlu memperkemas pemantauan pembuatan coklat itu bagi mengelak kejadian sama berulang sehingga merisaukan pengguna dari kalangan masyarakat Islam.

Dalam satu kenyataan 2 Jun lepas, Jamil Khir berkata analisis makmal [Jabatan Kimia](#) terhadap produk coklat susu Cadbury-Roast Almond dan Hazelnut (badam dan kacang hazel) disahkan tiada DNA babi.

Jangan ragu status halal produk

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

rafie.azimi@utusan.com.my

JERAI 5 Jun - Umat Islam di negara ini tidak perlu ragu untuk terus menaruh keyakinan terhadap Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam mempertahankan agama serta menjaga kepentingan pengguna berhubung isu halal dan haram sesuatu produk.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, keyakinan itu

bersandarkan kepada prosedur amat ketat yang perlu dilalui sesebuah syarikat bagi mendapatkan status halal untuk sebarang produk mereka terutama melibatkan makanan dan minuman.

"Masyarakat usah bimbang kerana hanya syarikat yang benar-benar mematuhi piawaian halal, bersih serta menjaga keselamatan makanan akan



JAMIL KHIR BAHAROM

menerima status halal bagi produk mereka daripada Jakim.

"Semua itu termasuk pemantauan dan audit dijalankan secara berterusan. Audit secara rambang juga sering dilakukan paling tidak sekali setahun," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan dan Kenduri Kesyukuran

Pertubuhan Peladang Kawasan F-IV, Sungai Limau Dalam, di sini semalam.

Pada 24 Mei lalu, Kementerian Kesihatan mengeluarkan kenyataan bahawa mereka mengesan *porcine* atau DNA babi dalam produk coklat *Cadbury Dairy Milk Hazelnut* dan *Cadbury Dairy Milk Roast Almond*.

Bagaimanapun, Jamil Khir pada Selasa lalu mengesahkan bahawa analisis makmal Jabatan Kimia terhadap dua sampel produk coklat tersebut yang diambil terus

dari kilangnya di Shah Alam tidak mengandungi DNA babi.

Sementara itu, katanya, pihaknya akan meminta kesemua syarikat yang terlibat dalam industri berkenaan agar lebih teliti dalam memantau rantaian pemasaran produk makanan.

"Kita tidak mahu perkara sebegini berulang lagi. Kadang-kadang apabila produk itu keluar daripada kilang memang bersih tetapi sebelum sampai ke tangan pengguna, ada benda lain yang mencemarnya," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 38
TARIKH : 6 JUN 2014 (JUMAAT)

ISU HALAL HARAM

Amalkan pendekatan teliti, fakta tepat

Isu kebocoran maklumat pada peringkat pengurusan perlu diberi perhatian lebih serius kerana ia boleh mempengaruhi kredibiliti/integriti pengendali analisis di makmal. Kerahsiaan sesuatu analisis adalah penting bagi mendapatkan pengesahan yang tepat dan keputusan mengenainya perlu keluar dari sumber rasmi dan bukannya dari portal laman sosial atau penyebaran melalui media elektronik individu tertentu.

Perkara ini adalah wajar untuk mengelakkan timbul isu lain kerana ia membabitkan pihak berkepentingan sama ada pengguna, industri dan kerajaan. Sebagai contoh, jika maklumat yang disebarkan tidak tepat, pihak industri dan konsumen yang terbahagi mungkin boleh menyaman sama sendiri kerana tiada pihak yang memikul tanggungjawab isu yang dibangkitkan.

Penentuan halal lebih daripada sebuah makmal

Perlu ada gerak kerja yang teratur dan koordinasi antara agensi yang terbabit dalam menangani permasalahan halal dengan cepat dan tanpa bertangguh. Sebagai contoh, analisis penentuan halal mungkin dijalankan lebih daripada sebuah makmal yang berakreditasi, maka perlu ada satu pelan tindakan khusus jika ada antara makmal berkenaan menemukan keputusan positif pada sesuatu sampel diuji.

Pihak terbabit perlu memikirkan apa tindakan selanjutnya yang perlu dijalankan? Perlukah pengesahan dijalankan sekali lagi oleh makmal lain? Kepada siapa perkara ini perlu dibawa dan sebagainya.

Bidang kuasa dan sistem sedia ada belum menjamin kecukupan sepenuhnya. Proses pemantauan, penguatkuasaan boleh diperkemas. Amalan semasa ialah urusan ini ditangani oleh banyak agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia dan Jabatan Agama Negeri.

Kewajaran kerajaan memikirkan perlunya memberikan kuasa mutlak Akta KPDNKK 2011 kepada JAKIM agar mempunyai bidang kuasa melaksanakan urusan proses penguatkuasaan audit dan pemantauan yang sepenuhnya dipertimbangkan.

Meneliti laman sosial di internet, kita melihat masyarakat menuding jari kepada JA-



Isu halal sensitif kepada masyarakat Islam.

[GAMBAR HIASAN]

KIM untuk dipersalahkan dari segi kredibiliti logo Halal Malaysia jika sesuatu isu itu berbangkit. Kita perlu memikirkan adakah JAKIM diberi mandat dan sokongan kerajaan sepenuhnya dari segi jumlah bilangan staf terlatih/penguat kuasa serta adakah sesuatu akta yang memberi mandat penuh untuk mereka ambil tindakan mahkamah kepada pesalah?

Satu contoh yang wajar difikirkan ialah untuk jaminan pengurusan kualiti, kita menggunakan MS 9001:2008, untuk analisis sampel di makmal, kita menggunakan pakai ISO 17025. Ini piawaian khusus untuk penuhi keperluan tuntutan kualiti pengurusan secara konvensional.

Ada juga piawaian patuh syariah MS 1500:2009, tetapi untuk analisis di makmal (ISO 17025) yang patuhi keperluan syariah, tiada klausa untuk syubbah. Yang sedia ada hanyalah klausa sampel yang ada (positif) DNA babi, iaitu haram, atau tiada (negatif) DNA babi, iaitu halal.

Sistem piawaian patuh syariah

Bagi industri halal, sepatutnya wujud sistem piawaian yang patuhi tuntutan syariah dalam menangani isu pencemaran secara tidak sengaja, serta kaedah menangani sampel haram dan syubbah.

Untuk memastikan sesuatu produk itu halal, pengeluar makanan Malaysia akan memastikan keseluruhan ramuannya adalah halal dan seterusnya akan diaudit dan diberikan logo Halal Malaysia oleh JAKIM. Bagaimanapun, masalah timbul jika produk daripada jenama yang sama diimport dari luar negara yang tiada sijil Halal Malaysia dengan anggapan ia juga adalah halal.

Perkara seperti ini boleh mengelirukan pengguna. Disarankan supaya pemantauan juga dijalankan ke atas pengimport makanan dari luar walaupun makanan yang dihasilkan pengimport berkenaan di Malaysia berstatus halal.

Pelan tindakan krisis

Sewajarnya ada pelan tindakan krisis dalam penarikan produk, dan prosedur operasi standard (SOP), untuk kenal pasti isu pencemaran secara tidak sengaja, pencemaran akibat lalai, cuai, pengotor atau pencemaran dengan niat sengaja mengaut keuntungan, atau menipu dan yang paling malang adalah unsur sabotaj untuk menjatuhkan sesuatu industri akibat saingan perniagaan.

Dalam pengelasan aditif makanan, aditif secara sengaja ialah aditif yang dibenarkan kerajaan untuk digunakan kerana manfaatnya. Aditif secara tidak langsung seperti pencemaran adalah bahan tidak diingini yang secara tidak sengaja masuk dalam makanan, manakala adulterant ialah perbuatan sengaja mencampurkan bahan yang murah, beracun, tidak bermanfaat, najis, haram dengan niat mengaut keuntungan.

Secara umumnya, isu halal adalah sesuatu yang sensitif kepada masyarakat Islam di Malaysia. Oleh itu, maklumat yang disalurkan perlulah tepat dan disahkan sumbernya. Pendidikan kepenggunaan amat penting untuk mendidik pengguna supaya prihatin dengan isu halal sebagai contoh penggunaan bahan aditif makanan yang halal selaku alternatif aditif syubbah atau haram (seperti alkohol, gelatin, enzim haiwan tidak disembelih, ko-

lagen babi dan sebagainya), pengawet dan lain-lain dalam produk makanan.

Adakah JAKIM dan Jabatan Agama Negeri telah melaksanakan sistem komunikasi secara telus untuk masyarakat yang terdiri daripada pengguna, pengeluar industri makanan serta pertubuhan bukan kerajaan? Adakah sistem komunikasi atas talian, mesyuarat berkala di antara agensi kerajaan melalui jabatan pemantau, penguatkuasa, audit dan jawatankuasa panel halal syarikat dilaksanakan menepati masa dan piagam pelanggan? Persatuan pengguna menuntut maklumat dan penjelasan telus agar kepercayaan masyarakat tidak goyang.

Dalam proses pemantauan, pelaksanaan dan penguatkuasaan halal, kredibiliti sistem itu mestilah dilaksanakan umat Islam yang kompeten, berilmu, berintegriti dan telus untuk penuhi tuntutan fardu kifayah, dengan kerjasama kerajaan, industri, konsumen dan NGO.

Usah terjerat spekulasi

Jangan terjerat dengan sindrom spekulasi dan percaya tanpa asas kukuh, maklumat dari internet dan media sensasi yang tidak dikeluarkan organisasi kerajaan bertanggungjawab secara rasmi. Masyarakat bukan Islam sedang memerhatikan sentimen umat Islam Malaysia. Apakah reaksi melenting, menuduh dan emosional melampau, tanpa fakta kukuh, budaya umat Islam Malaysia?

Atau pendekatan teliti, berfikir dahulu dan analisis secara kritis, mendapatkan fakta tepat yang sewajarnya diamalkan. Kelemahan dan siasatan terperinci yang berlaku sewajarnya tidak dipandang enteng agar perkara yang sama tidak berulang kembali; belajar daripada kesilapan lalu.

Adakah rundingan dengan pihak berkepentingan, menurut hukum fekah dan akhlak Islam dihayati? Jalan tengah sementara menanti jawapan rasmi ialah, sementara konsumen Islam memasuki sempadan syubbah, tangguh dulu keputusan tanpa tergesa-gesa menuduh yang haram itu halal, atau yang halal itu haram.

Reaksi tangani isu halal negara seandainya tidak dikendalikan dengan betul, Malaysia akan hilang kredibiliti dan gahnya selaku 'Halal Champion' dunia.

Prof Madya Dr Alina Abdul Rahim

Pengarah, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) Universiti Sains Islam Malaysia

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bh.com.my

HALAL TESTING

Follow standard sampling procedure

THE furore over the purported presence of porcine DNA in some batches of Cadbury chocolates raises issues pertaining to the method of analysis.

The Health Ministry first announced the finding, which was immediately acted on by the religious authority Department of Islamic Development Malaysia (Jakim). The ministry's, and subsequently, Jakim's statements, are confusing and contradictory.

The analysis, especially one carried out by a government department, must adhere to standard sampling procedures and use a methodology that conforms to the standard protocols. The results should also be treated in a standard manner.

Unfortunately, the press and media releases did not mention the standard procedure, which

should have a reference code. Consequently, preliminary measurements that have not been rigorously verified cannot be made public.

There appears to be a marked difference in sampling procedure. The allegedly porcine DNA-tainted chocolates were sampled from shops by the ministry, whereas Jakim sampled the products directly from the factory. Different sampling procedures have been known to give spurious results.

DNA analysis should be carried out in a dedicated laboratory that has filtered air system to avoid contamination. More importantly, only qualified personnel should perform such laboratory procedures.

The requirements are specified in a number of internationally accepted standards such as ISO 17025, accredited by agencies such as Standards Malaysia and

Sirim QAS. The results must be court-admissible.

The ministry is reported to have its own testing facilities. On the other hand, because Jakim does not, it uses the services provided by the Chemistry Department. The issue here is whether the standard protocol has been adhered to by these two organisations.

To my knowledge, the ministry's laboratories have not been accredited to conduct porcine DNA testing to comply with halal requirements as specified in the MS 1500:2005 and MS 2200 standards.

This case of the supposed presence of porcine DNA underscores the need to set up, at the national level, laboratories that serve as the resource for halal testing.

Professor Dr Zainudin Arifin,
Faculty of Science, Universiti
Malaya, Kuala Lumpur

Keluarga Britain tunggu keputusan bedah siasat

KUANTAN - Keluarga kepada warga Britain, Gareth David Huntley, 34, yang hilang di Pulau Tioman seminggu lalu tiba di Unit Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), semalam.

Mereka hadir bagi mengikuti perkembangan keputusan bedah siasat mayat yang ditemui di belakang Chalet Lagoon, Kampung Juara, Pulau Tioman, petang kelmarin.

Ibu mangsa, Janet Southwell dan kekasih Huntley, Kit Natariga tiba di Kuantan kira-kira jam 11 pagi dari Pulau Tioman sebelum menaiki kenderaan polis ke HTAA.

Ketibaan keluarga mangsa yang diiringi pegawai dari kedutaan British, Karen Song, disambut Ketua Polis Pahang, Datuk Sharifuddin



Southwell (dua, kiri) dan Natariga diiringi dua anggota polis ke Unit Forensik sejurus tiba di HTAA kira-kira jam 11 pagi, semalam.

Abdul Ghani.

Bagaimanapun, ibu dan kekasih mangsa kelihatan sugul dan tidak bersedia menemui wakil media yang menunggu seawal jam 8 pagi.

Difahamkan sampel asid deoksiribonukleik (DNA) milik Southwell juga diambil bagi tujuan pepadanan sama ada mayat yang ditemui di pulau itu adalah milik Huntley.

Sementara itu, Sharifuddin berkata, DNA mayat lelaki yang ditemui di sebatang sungai berhampiran sebuah stor penyimpanan kayak di Kampung Juara, Tioman itu turut diambil untuk dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan sama.

Menurutnya, keputusan DNA itu mungkin diperoleh dalam tempoh dua hari lagi dan meminta semua pihak bersabar dan tidak membuat spekulasi berhubung identiti mayat tersebut.

"Berdasarkan bedah siasat yang dilakukan ke atas mayat itu hari ini (semalam), kita masih belum mengetahui punca sebenar berhubung kematiannya," katanya.

Saifuddin berkata, operasi mencari dan menyelamat Huntley diberhentikan selepas penemuan mayat itu.

"Bagaimanapun, kita masih meletakkan anggota di kawasan itu bagi menjalankan siasatan lanjut.

"Hari ini juga kita menemui telefon bimbit jenis iPhone dipercayai milik Huntley berdekatan dengan kawasan penemuan mayat kira-kira jam 12.30 tengah hari tadi (semalam)," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 33
TARIKH: 06 JUN 2014 (JUMAAT)



SOUTHWELL
(tengah)
tenang diiringi
anggota polis.

WBAS
Imbas untuk video

ANGGOTA polis
membawa keluar
mayat dipercayai
Huntley untuk
bedah siasat.

Jumpa telefon pintar

■ Ditemui di lokasi penemuan mayat dipercayai milik Huntley

Oleh Syah Rui Aswari Abdullah
srul@hmetro.com.my
Krisantian

Polis menemui telefon pintar dipercayai milik Gareth David Huntley, warga Britain yang dilaporkan hilang di Pulau Tioman, sejak 27 Mei lalu di lokasi penemuan mayat seorang lelaki di pulau peranginan itu, semalam.

Ketua Polis Pahang Datuk Sharifuddin Ab Ghani berkata, telefon itu ditemui polis jam 12.30 tengah hari semalam, ketika menjalankan siasatan lanjut di tempat kejadian susulan penemuan mayat tanpa pengenalan diri di situ jam 1.30 tengah hari kelmarin.

Sehubungan itu, pihaknya akan meneruskan siasatan di tempat kejadian bagi mencari sebarang bukti atau petunjuk yang boleh membantu siasatan kes itu.

"Operasi mencari dan menyelamat (SAR) bagi mencari Huntley sudah ditamatkan.

"Bagaimanapun, sebahagian anggota dan pegawai kita masih ditempatkan di tempat kejadian untuk menjalankan siasatan lanjut," katanya ketika ditemui di Jabatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini, semalam.

Beliau berkata, semua pihak perlu menunggu sehingga laporan bedah siasat siap dalam tempoh beberapa hari lagi dan mengelak daripada menimbulkan sebarang spekulasi berhubung kejadian itu.

Katanya, sampel untuk ujian asid deoksiribonukleik (DNA) daripada ibu Huntley, Janet Southwell, 55 dan mayat lelaki itu sudah diambil serta dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya.

"Alhamdulillah, semuanya

berjalan lancar. Saya lihat Southwell walaupun dalam kesedihan dapat menerima hakikat kejadian itu.

"Dia akan menginap di hotel di sini sementara menantikan keputusan DNA dan laporan bedah siasat," katanya.

Kelmarin, operasi SAR bagi mengesan Huntley menemui mayat seorang lelaki di dalam Sungai Mentawak di belakang Chalet Lagoon, Kampung Juara, Pulau Tioman.

Mayat lelaki tanpa dokumen pengenalan diri itu ditemui dalam keadaan berseluar pendek tanpa baju 50 meter dari pantai.

Bagaimanapun, identiti mayat sukar dikenal pasti kerana selain tidak mempunyai dokumen pengenalan diri, sebahagian muka mangsa juga sudah reput.

Difahamkan, mayat itu ditemui pasukan SAR kira-kira 20 meter dari tempat simpanan kayak di chalet berkenaan.

Mayat itu dibawa dengan helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dari Pulau Tioman dan tiba di HTAA kira-kira jam 12.30 tengah malam, semalam.

Sementara itu, Southwell kelihatan tenang ketika hadir di Jabatan Forensik HTAA, jam 11 pagi, semalam.

Wanita itu diiringi Naib Konsul Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia Karen Song dan teman wanita anaknya Kit Natariga Panyawatcharakun.

Wanita itu yang kelihatan tenang dilihat memasuki jabatan itu untuk mengikuti proses bedah siasat mayat lelaki berkenaan.

Huntley, 34, dilaporkan hilang pada 27 Mei lalu ketika pergi sendirian ke kawasan air terjun Lubuk Teja di pulau itu.

FAKTA
Laporan bedah siasat mayat siap dalam tempoh beberapa hari lagi

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (NEWS) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 6 JUN 2014 (JUMAAT)



Southwell (second from right) and Panyawatcharakun (third from right) at the Tengku Ampuan Afzan Hospital, June 5, 2014. — Picture by Bernama

Cops seek more clues to identify body found in Tioman

KUANTAN — Police found an iPhone next to a decomposed male body near a chalet in Kampung Juara, Pulau Tioman, on Wednesday.

Pahang police chief Datuk Sharifuddin Ghani said police were still searching the area in the hope of finding more clues to identify the man.

"Police so far are unable to confirm if the dead man is Gareth David Huntley, the British national who has been missing since May 27, as investigations are ongoing," he told reporters at the Forensics Department of

Tengku Ampuan Afzan Hospital yesterday.

"We have taken DNA samples from his mother Janet Southwell to try and confirm the identity of the dead man.

"The samples have been sent to the **Chemistry Department** in Petaling Jaya and the results will be known in two days."

Sharifuddin said initial investigations found no signs of injuries on the body and police had ruled out any criminal element in the man's death.

He also said Southwell would remain in Kuantan for several days to assist

in investigations.

Southwell arrived from Pulau Tioman in a helicopter accompanied by Karen Song, the vice-consul at the British High Commission in Kuala Lumpur, and Huntley's girlfriend, Kit Natariga Panyawatcharakun.

The body was flown from Pulau Tioman to Tengku Ampuan Afzan Hospital at around 1am by helicopter.

A post-mortem is being carried out to determine if the body is indeed Huntley, who went missing after going on a trek in Pulau Tioman eight days ago.

The decomposed body was found by a riverbank, just 500m from the chalet where Huntley was staying at the Kampung Juara Turtle Conservation Centre in Pulau Tioman.

Huntley, 34, was a volunteer at the centre and was reported missing on May 27 while trekking to the Lubuk Teja waterfalls on the island by himself.

A massive operation involving 157 policemen, civil defence personnel and other agencies was mounted to search for him. — Bernama

Body found yet to be identified

DNA TESTING:

Huntley's mother
has provided
blood sample

T.N. ALAGESH
PULAU TIOMAN
news@nst.com.my

POLICE yesterday recovered a smartphone, believed to have belonged to missing British backpacker Gareth Huntley, not far from the spot where the body of a man was found near Sungai Mentawak in Kampung Juara here.

State police chief Datuk Sharifuddin Abdul Ghani said the iPhone was found at 12.30pm yesterday by police personnel who were scouring the area near the river for clues.

"We are searching the area for more clues, including identification documents, to identify the body.

"The search-and-rescue operation in Kampung Juara has been halted. However, police personnel are stationed in the area to search for further evidence," he said at Tengku Ampuan Afzan Hospital's (HTAA) Forensics Department in Kuantan yesterday.

Sharifuddin said despite completing the post-mortem yesterday, the pathologist had yet to identify the cause of death and would con-



Police escorting Gareth Huntley's mother, **Janet Southwell**, and girlfriend **Kit Natariga Panyawatcharakun** to Tengku Ampuan Afzan Hospital's Forensics Department in **Kuantan** yesterday.

duct further examinations.

"An autopsy was performed on the body, but the hospital could not ascertain the exact cause of death. Further investigations will be conducted before we can conclude the cause of death."

He said the blood samples from Huntley's mother, Janet Southwell, were sent to the **Chemistry Department** in Petaling Jaya.

The results are expected within two days to establish if the body is indeed Huntley's.

Southwell, who arrived at HTAA from Pulau Tioman about 11am yesterday, was accompanied by

British High Commission vice-consul Karen Song and Huntley's girlfriend, Kit Natariga Panyawatcharakun.

The trio were taken to the hospital's Emergency Department where Southwell provided a blood sample for DNA purposes.

They would be staying in Kuantan to assist in investigations and return to London after the body is identified.

The body was brought to the Forensics Department at 12.35am yesterday after being airlifted from Pulau Tioman late on Wednesday night.

Cops awaiting DNA test results



Trying times:
(From left)
Natariga,
Southwell and
Song waiting at
the Hospital
Tengku Ampuan
Afzan in
Kuantan. —
Bernama

Identity of body found yet to be confirmed

By **ONG HAN SEAN**
hansean@thestar.com.my

KUANTAN: The identity of the body found in Pulau Tioman has yet to be confirmed and police are awaiting DNA test results to conclusively identify the deceased man.

Pahang police chief Senior Deputy Comm Datuk Sharifuddin Ab Ghani said the cause of death was also undetermined after a post-mortem was conducted yesterday at the Hospital Tengku Ampuan Afzan morgue here.

He added that the pathologist would need more time to continue investigations to see if the body is that of missing Briton Gareth David Huntley.

"The DNA samples collected from the body have been sent to the **Chemistry Department** for examination. We expect the results to be known in two days' time," SDCP Sharifuddin said at the hospital.

He said hospital staff had also collected a blood sample from Huntley's mother Janet Southwell for DNA comparison.

Southwell flew in from Pulau Tioman by helicopter and arrived at the hospital at about 11am. She was accompanied by Huntley's girlfriend Kit Natariga and British High Commission representative Karen Song.

Southwell appeared calm, but she left in a police car without speaking to the press at about 2pm.

SDCP Sharifuddin said Southwell had not viewed the body yet and would stay here to facilitate investigations.

"Even though Huntley's mother looked morose, she is prepared to accept any eventuality," he said.

He added that the search and rescue operation for Huntley had been halted, but some personnel would remain in Kampung Juara on the island to collect evidence.

"We have found an iPhone believed to belong to Huntley near the site where the body was discovered. However, his personal identification documents have yet to be found," he said.

On Wednesday, rescuers returning from the jungle during their search stumbled upon the decomposed body in the Mentawak River, about 20m from a kayak storage unit at the Juara Lagoon chalet.

The area is at the foot of one of the paths to the Lubuk Teja waterfall where the 34-year-old Huntley was heading to before he went missing on May 27.

El Nino to bring a host of woes Shortage of water, forest fires and haze expected

PORT DICKSON: It's not just water woes that the El Nino phenomenon will bring.

The impending hot and dry weather is likely to contribute to forest fires and hazy conditions across state borders, affecting agriculture and health.

Which is why open burning is so dangerous during this period, says the Natural Resources and Environment Ministry as it urges all parties to take precautionary measures to prevent it.

Deputy Minister Datuk. Sri Dr James Dawos Mamit called on state governments, the local authorities and landowners to closely monitor

dry and easily combustible areas such as waste disposal sites, peat forests and plantations.

"The hot and dry weather has the potential to cause fires which would contribute to the haze. I urge everyone to cooperate and refrain from open burning," he said after launching Friends of the Environment or RAS in conjunction with the 2014 World Environmental Day here yesterday.

According to a World Meteorological Organisation statement, the El Nino phenomenon is expected to

occur on a global scale around the middle of this year.

The El Nino generally results in lower than average rainfall in Malaysia during the dry South-West Monsoon, which started on May 15 and is expected to continue until September.

Dawos said the Department of Environment would step up monitoring and enforcement, adding that offenders could be fined up to RM500,000 or jailed not more than five years, or both upon conviction.

Meanwhile, the **Meteorological**

Department agreed with a World Meteorological Organisation forecast that El Nino would begin some time this month or in August, and would persist through next year.

"In general, the country will receive less rainfall during the El Nino period, especially in Sabah and Sarawak. The El Nino lifespan is between six and 18 months," the department said in a statement.

Shortage of water supply had badly affected a number of states, including Selangor, which carried out a rationing exercise for about

three months until May. But the problem is not over.

Water in Negri Sembilan dams was reported to have fallen to critical levels.

The Gemencheh dam dipped to 98m, some 12m lower than the normal level, despite the wet weather in the state in recent weeks.

The most severe impact of the El Nino was seen during the 1997-1998 period, where a substantial part of the country experienced dry and hot weather, along with hazy conditions. However, the last occurrence of the phenomenon in 2009-2010 did not leave a significant impact on local weather.